# Prestasi Ekonomi Global

## Ekonomi global berkembang pada kadar yang stabil pada S4 2024

**KDNK ekonomi terpilih,**
Pertumbuhan tahunan, %




Sumber: Pihak berkuasa negara

## Perdagangan serantau terus pulih, dengan tanda-tanda kadar pemulihan semakin perlahan

**Eksport ekonomi terpilih,**
Pertumbuhan tahunan, % (dalam dolar AS)




Sumber: Pihak berkuasa negara

## Sorotan

- **Pertumbuhan global yang stabil**, disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh berikutan keadaan pasaran pekerja yang positif. Faktor-faktor ini mengimbangi kesan terlat (*lagged impact*) daripada kadar faedah tinggi yang terdahulu.

- **Perdagangan serantau terus pulih,** disokong oleh barangan elektrik dan elektronik (*electrical and electronics*, E&E) serta barangan bukan E&E. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan mulai perlahan, khususnya dalam kalangan ekonomi maju Asia yang sebelum ini menerajui pemulihan.

- **Inflasi keseluruhan umumnya kekal stabil, dengan inflasi ekonomi sedang pesat membangun kekal di bawah purata jangka panjang.** Kadar pergerakan disinflasi dalam ekonomi maju lebih perlahan, disebabkan oleh inflasi perkhidmatan yang berlarutan dan kenaikan harga makanan yang didorong oleh faktor bekalan.

- **Harga minyak mentah Brent menunjukkan trend menurun** kepada USD74 setong pada S4 2024 (S3 2024: USD79 setong) berikutan permintaan minyak global yang lebih rendah, khususnya daripada China.